

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Tradisi Kita, Khazanah Kita

# Karnival Sarawakiana 2016

## 29 - 31 OKTOBER 2016
## PUSTAKA NEGERI SARAWAK



# KARNIVAL SARAWAKIANA 2016

Karnival Sarawakiana telah diadakan di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching untuk julung kalinya pada tahun 2010 sempena dengan ulangtahun ke-10 Pustaka dengan pelbagai aktiviti sejarah, kebudayaan, dan kesenian yang menarik. Karnival Sarawakiana 2010 bertemakan 1 Warisan, 1 Tradisi, 1 Sarawak.

Pada tahun 2011 dan 2015 Pustaka Negeri Sarawak, Miri turut memainkan peranan dengan menganjurkan karnival tersebut di Miri bagi mengetengahkan dan memperkenalkan warisan seni budaya masyarakat bumi kenyalang di Wilayah Utara dengan tema "Tradisi Kita, Khazanah Kita".

Pada tahun 2016 acara ini dijadikan sebagai acara tahunan dan diadakan di Kuching dan Miri bagi memberi impak yang lebih besar di Sarawak dengan mengekalkan tema "Tradisi Kita, Khazanah Kita".

Pelbagai program dan aktiviti menarik telah dan akan diadakan sepanjang tahun 2016 yang bertujuan untuk mengetengahkan warisan budaya tempatan, sejarah dan kesenian masyarakat negeri Sarawak. Keunikan sejarah serta kepelbagaian budaya dan seni masyarakat negara ini khasnya Sarawak sememangnya diakui istimewa oleh masyarakat luar. Ia ekoran penonjolan identiti pelbagai kaum yang terdapat di negeri ini. Kebudayaan tersebut meliputi pelbagai aspek kehidupan rakyat Sarawak yang tidak hanya tertumpu kepada pakaian, tarian, muzik dan gaya hidup, malah meliputi permainan, makanan dan bidang penulisan.

# OBJEKTIF

Tujuan dan objektif Kanival Sarawakiana adalah untuk menyokong pembudayaan ilmu dan wacana intelektual bagi:

- Mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan warisan budaya tempatan dari segi sejarah, budaya, seni, pengetahuan pribumi dan kepelbagaian etnik dalam membentuk masa hadapan generasi yang akan datang.
- Mempromosikan peranan Pustaka dan rakan-rakan pintar sebagai forum intelektual dan pusat pembelajaran sepanjang hayat.
- Menanam minat cintakan budaya warisan tempatan yang kaya dengan nilai-nilai teras kaum pribumi Sarawak, mendidik dunia dari perspektif global dan memelihara identiti kita sendiri sebagai rakyat Sarawak.
- Menyokong, memelihara, mendokumentasikan serta mencetuskan penyelidikan lanjut mengenai sejarah, kebudayaan, kesenian dan pengetahuan pribumi di Sarawak.

# PROGRAM

## BARUK

| Program | Masa & Tempat | SABTU OKTOBER 29 | AHAD OKTOBER 30 | ISNIN OKTOBER 31 |
|---|---|---|---|---|
| Ceramah Sarawakiana: Baruk – Warisan Budaya dan Identiti Bidayuh | 2:00 petang – 5:00 petang<br>Galeri,™ Pustaka | | ● | |

## HADRAH

| Program | Masa & Tempat | SABTU OKTOBER 29 | AHAD OKTOBER 30 | ISNIN OKTOBER 31 |
|---|---|---|---|---|
| Pertandingan Akhir Hadrah | 9:00 pagi – 11:00 pagi<br>Galeri,™ Pustaka | ● | | |

## KERINGKAM

| Program | Masa & Tempat | SABTU OKTOBER 29 | AHAD OKTOBER 30 | ISNIN OKTOBER 31 |
|---|---|---|---|---|
| Ceramah Sarawakiana: Keringkam, Gajah Olen dan Songket Melayu Sarawak | 9:00 pagi – 11:00 pagi<br>Auditorium, Aras 1, Pustaka | ● | | |
| Demonstrasi Menyulam Keringkam Sarawak | 10:00 pagi, 1:00 tengah hari, 3:00 petang, 5:00 petang<br>Bilik Seminar, Aras 1, Pustaka | ● | ● | ● |
| Demonstrasi Menenun Songket Sarawak | 11:00 pagi, 2:00 petang, 4:00 petang, 5:00 petang<br>Bilik Seminar, Aras 1, Pustaka | ● | ● | ● |
| Pameran & Jualan Keringkam dan Songket Melayu Sarawak | 9:00 pagi – 6:00 petang<br>Bilik Seminar, Aras 1, Pustaka | ● | ● | ● |

## KRAFTANGAN SARAWAK

| Program | Masa & Tempat | SABTU OKTOBER 29 | AHAD OKTOBER 30 | ISNIN OKTOBER 31 |
|---|---|---|---|---|
| *Demonstration & Sales of Sarawak's Traditional Handicraft* | 9:00 pagi – 6:00 petang<br>Lobi, Pustaka | ● | ● | ● |

# PROGRAM

| SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|
| OKTOBER 29 | OKTOBER 30 | OKTOBER 31 |

## MAKANAN TRADISIONAL SARAWAK

| | |
|---|---|
| *Sales of Sarawak's Traditional Food* | 8:30 pagi – 6:00 petang<br>Dataran Pustaka |
| Demonstrasi Penyediaan Masakan Tradisional Sarawak | 8:00 pagi –12:00 tengah hari<br>Dataran Pustaka |

## PERMAINAN TRADISIONAL SARAWAK

| | |
|---|---|
| 'Permainan Mensia Marek'<br>Permainan Rondes, Seremban Cina, *Zeropoint*, Jengkek & Buah Saga | 11:00 pagi – 5:00 petang<br>Dataran Pustaka |

## SENI PERSEMBAHAN

| | |
|---|---|
| Bengkel Sape | 2:00 petang – 4:30 petang<br>Galeri,™ Pustaka |
| *Chinese Musical Performance: Bian Lian (The Art of Mask Changing & Magic Show) & TeoChew Opera* | 2:30 petang – 4:30 petang<br>Auditorium, Aras 1, Pustaka |
| *Sarawakiana Close-Up: Nading Rhapsody* | 9:00 pagi – 11:00 pagi<br>Auditorium, Aras 1, Pustaka |

# PROGRAM

SABTU OKTOBER 29 | AHAD OKTOBER 30 | ISNIN OKTOBER 31

## SENI VISUAL

| Program | Masa & Tempat | Sabtu 29 | Ahad 30 | Isnin 31 |
|---|---|---|---|---|
| *Art Sharing Session with Raphael Scott Ahbeng and Sylvester Jussem* | 10:00 pagi – 12:00 petang<br>Bilik Koleksi Khas, Aras 1, Pustaka | ● | | |
| *Urban Sketchers : Sketching Session* | 2:00 petang – 4:00 petang<br>Perkarangan Pustaka | | ● | |
| *Urban Sketchers Exhibition* | 9:00 pagi – 6:00 petang<br>Lobi, Pustaka | ● | ● | ● |
| *Virtuoso: Sarawak's Senior Artists Exhibition* | 10:00 pagi – 6:00 petang<br>(Isnin – Jumaat)<br>9:00 pagi – 6:00 petang<br>(Sabtu - Ahad)<br><br>Bilik Suratkhabar & Terbitan Bersiri, Aras 1, Pustaka | ● | ● | ● |




Jualan Masakan Tradisional Sarawak adalah bertujuan untuk mempromosikan dan memelihara bidang seni masakan tradisional Sarawak bagi meningkatkan keupayaan masakan tempatan yang unik untuk bersaing di persada global dalam bidang kulinari, memperkenalkan dan memberi kesedaran kepada generasi muda untuk menghargai masakan tempatan.

Pelbagai jenis masakan dan minuman tradisional Sarawak atau yang menggunakan bahan tempatan akan djual untuk dinikmati semua.

Demonstrasi Penyediaan Masakan Tradisional Sarawak diadakan bertujuan untuk memperkenalkan masakan tradisional etnik Sarawak kepada semua peringkat masyarakat pelbagai kaum dan bangsa.

Tujuan merekod dan mengumpul resepi masakan tradisional etnik Sarawak yang unik adalah bagi memelihara ilmu pengetahuan penduduk asal *(Indigenous Knowledge – IK)* serta membantu mempromosi dan berkongsi ilmu pengetahuan seni kulinari masyarakat tempatan Sarawak bagi rujukan dan penyelidikan kini dan masa akan datang.






Ceramah dan pameran Keringkam, Songket Melayu Sarawak dan perhiasan Gajah Olen ini memperkenalkan kepelbagaian jenis tenunan berbenang emas dan sejarah perhiasan Gajah Olen sekaligus memupuk kesedaran masyarakat akan kepentingan memelihara dan memulihara khazanah kesenian dan kebudayaan tempatan yang amat berharga.

Jangan lepaskan peluang untuk melihat sendiri penghasilan Keringkam dan Songket melalui sesi demonstrasi menyulam Keringkam dan menenun Songket Sarawak. Bagi peminat koleksi Keringkam dan Songket Melayu sesi jualan turut diadakan.

Pertandingan hadrah ini diadakan bertujuan untuk memelihara dan mempertahankan seni persembahan hadrah supaya sentiasa kekal dan tidak pupus dibawa arus kemajuan. Pada masa sama ia mencungkil bakat muda terutama di kalangan pelajar dalam bidang kebudayaan khasnya seni persembahan hadrah agar sentiasa diminati dan dihayati oleh generasi yang akan datang.

Pertandingan dibuka kepada mereka yang berada di kawasan Kuching, Samarahan, Serian, Lundu dan Sematan dan dibahagikan kepada Kategori Kanak-kanak dan Kategori Dewasa.






Demostrasi dan Jualan Kraftangan Tradisional Sarawak diadakan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak dan *Sarawak Craft Council* yang mengetengahkan jualan pelbagai seni kraftangan tradisonal Sarawak seperti pasu Sarawak, manik, anyaman dari bemban, batik dan banyak lagi.

Sesi demonstrasi pula akan mempamerkan seni pembuatan pasu Sarawak dan seni anyaman berasaskan bemban.

Pameran dan aktiviti melakar bersama *Urban Sketchers Kuching (USk Kuching)* di adakan bagi memperkenalkan inisiatif komuniti global *Urban Sketchers* yang berpusat di *Seattle, USA.* Aktiviti mereka diadakan seluruh dunia bagi merekod pemandangan, peristiwa dan struktur bangunan.

Jangan lepaskan peluang untuk bertemu dengan artis-artis hebat *USk Kuching* dan sertailah aktiviti membuat lakaran bersama *USk Kuching* di persekitran Pustaka. Kunjungi pameran menarik dari mereka sepanjang karnival ini.






Pameran seni visual ini dengan kerjasama *Art House Society Kuching* mengetengahkan dua belas (12) artis dari era tahun 1920-an ke 1940-an yang mencipta sejarah seni halus Sarawak atau *Sarawak's Fine Arts.* Artis-artis yang terlibat ialah:

Chin Kee • Foo Syn Hee • Lee Hock Kia
Lam Siong Onn • Foo Syn Choon
Kueh Chai Phiaw • Raphael Scott Ahbeng
Ramsay Ong • Stephanie Eng
Magdelene Tai • Michael Lim
Chong Liew Syn

Pameran ini bertujuan meraikan dan menghargai warisan budaya Sarawak dalam bidang seni visual disamping mempromosi, memelihara dan berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman serta mengiktiraf mereka yang terlibat dalam melakar sejarah seni halus di Sarawak.

Sesi perkongsian maklumat seni atau *Art Sharing Session* diadakan dengan kerjasama *Art House Society Kuching,* bersama artis veteran dan artis yang tidak asing lagi di Sarawak iaitu Raphael Scott Ahbeng dan Sylvester Jussem.

Mereka akan berkongsi pengalaman dan inspirasi mereka mengenai bidang seni dalam sesi ini disamping memberi gambaran perbezaan dan interpretasi seni dizaman dahulu dan sekarang.






*P*ada masa kini kita gemar memuat turun permainan secara *online* di telefon pintar dan komputer, bermain *PlayStation 4, Wii games* dan macam-macam lagi. Pernahkah kita terfikir apakah permainan zaman dahulu yang kini semakin dilupakan?

Kenali dengan lebih dekat dan nikmati keriangan bermain Rondes, Seremban Cina, *Zeropoint*, Jengkek dan Buah Saga di 'Permainan Mensia Marek' @ Pustaka.

*B*engkel Sape memberi peluang kepada para peserta untuk mengenali dan mengetahui teknik-teknik pembuatan dan persembahan seni muzik sape dengan lebih mendalam lagi.

Bagi menggalakkan masyarakat di Sarawak memelihara dan memartabatkan seni muzik sape, pameran dan jualan Sape turut diadakan.






*Sarawakiana Close-Up* memperkenalkan *Nading Rhapsody*, sebuah kumpulan Etnik Muzik Borneo yang terdiri daripada tujuh anak muda Sarawak yang mempunyai pendekatan unik dalam meluahkan rasa cinta mereka dalam menghidupkan semula legasi lama di Sarawak. Persembahan muzik mereka diadaptasi dari laungan ritual yang unik, lagu-lagu rakyat, mitos dan cerita etnik.

Jangan ketinggalan untuk mengenali kumpulan ini dengan lebih dekat, menemu bual serta melihat mereka membuat persembahan secara langsung.

Kenali dengan lebih dekat mengenai sejarah, keunikan warisan budaya dan senibina masyarakat Bidayuh – *Baruk*. Selain mendominasikan seluruh perhatian dalam kampung dan berdiri kukuh mengatasi bangunan-bangunan yang lain. *Baruk* memainkan peranan yang penting dalam susun lapis kehidupan masyarakat tradisional Bidayuh.






Ketahui rahsia di sebalik seni menukar topeng wajah atau *Bian Lian* dan pertunjukan silap mata oleh Edmond Wong dan pertunjukan opera *Teochew* oleh *Teo Khiaw Club*.

Persembahan ini mengetengahkan keunikan seni persembahan muzik Cina dan keindahan budaya Cina di Sarawak.

Tradisi Kita, Khazanah Kita

Karnival Sarawakiana 2016

Tradisi Kita, Khazanah Kita
Karnival Sarawakiana 2016

# MAJLIS PENANGGUHAN KARNIVAL SARAWAKIANA 2016 ISNIN, 31 OKTOBER 2016 AUDITORIUM, PUSTAKA

## 9:00 pagi

*Ketibaan tetamu jemputan*

## 10:00 pagi

*Ketibaan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak*

## 10:15 pagi

*Ketibaan tetamu kehormat YB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Abang Haji Openg*

*Persembahan 'Rejang Beuh' & Warna Sarawak*

*Persembahan Montaj 1*

## 10:20 pagi

*Ucapan alu - aluan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo, Pengerusi Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak*

*Ucapan Penangguhan Karnival Sarawakiana 2016 oleh YB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Abang Haji Openg, Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan & Menteri Perumahan dan Urbanisasi*

*Penyampaian cenderahati kepada YB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Abang Haji Openg*

*Persembahan pemenang Pertandingan Hadrah (Kategori Kanak - Kanak & Dewasa)*

*Persembahan 'Bian Lian'*

*Persembahan Montaj 2*

*Nyanyian lagu 'Ibu Pertiwiku'*

*Lawatan ke tapak Pameran & Demonstrasi Kraftangan Tradisional Sarawak*

*Jamuan*

*Bersurai*

Tradisi Kita, Khazanah Kita
Karnival Sarawakiana 2016

## SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Art House Society Kuching
Institut Perguruan Tun Abdul Razak
Jabatan Penyiaran Sarawak
Jabatan Penerangan Negeri Sarawak
Media Cetak & Elektronik
Perbadanan Perusahaan Kraftangan Malaysia
PERFILEMS
Seri Gedung Songket
Sarawak Craft Council
Urban Sketchers Kuching

Dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan karnival ini







# AUTOGRAF




